

STAILO & SOPAN

KHAS UNTUK SI FASHIONISTA BERTUDUNG

TM

# hijabista

Edisi  
Post-Syawal

nona

EDISI 50 • OGOS 2016

RITUAL  
CANTIK

## SISIH BELLY FAT

KEKAL FIT & FAB!

EKSTRA:

CIPLAK STAIL  
EVOLUSI  
DIY HIJAB  
CUKUP HIT

**MENANGI**

• 85 SET

MINUMAN

PER'L XLIM

• 35 SET KANTA

LEKAP BLINCON

**3 PROTAGONIS  
FESYEN**

CANTUMAN  
ZULU | MUMBAI | DAYAK

# Elfira Loy

ANTARA SELEKOH  
CINTA & BISNES

# 125<sup>M/S</sup> PALET

# Colour

## DETOKS

CEDOK GAYA  
CACAMARBA  
**AMERIKA  
LATIN**

RM10.60 | SEM. M'SIA | HARGA TERMASUK GST



ISSN 2232-125X



08

9 77232 125059



RASAI RAWATAN KELAS MEWAH  
**DITANJUNG  
WELLNESS SPA,**  
PHILEA RESORT

Teks: Jamaliah Jais Terima kasih: Marketing Communication Team Philea Resort & Spa

LEPASKAN LELAH SEKETIKA USAI SUSUK TUBUH BADAN KELETIHAN MENGEMBARA DI SEKITAR KOTA MELAKA YANG SARAT DENGAN PENINGGALAN SEJARAHNYA. LOKASI YANG DISARANKAN OLEH HIJABISTA IALAH DI TANJUNG WELLNESS SPA, PHILEA RESORT YANG TERLETAK DI LALUAN UTAMA KE BANDAR RAYA MELAKA SELEPAS TOL AYER KEROH. RESORT BERCIRIKAN SENI BINA KABIN KAYU DILATARI DENGAN SUASANA KEHIJAUAN YANG CUKUP TERJAGA INI SUDAH SEMESTINYA MEMOTRET ISTIRAHAT YANG CUKUP MENENANGKAN, MENYEGARKAN MINDA DAN JIWA SAMA SEKALI.



Harga untuk setiap rawatan bermula daripada RM100++ hingga RM600++. Bergantung pada rawatan yang anda inginkan.



Relaksasi inpiannmu menanti di titik ini...

Potong disini



Rempah ratus alami...

Philea Resort and Spa terpateri di memori para pelancong yang telah memilihnya sebagai pusat peranginan yang paling indah pernah menjadi penginapan mereka. Pihak resort akan memastikan bahawa tetamunya menikmati penginapan mereka dengan tahap keselesaan yang paling tinggi, mewah, elegan dan sukar dilupakan. Begitu juga dengan spa, berkonsepkan kabin kayu yang privasi, para tetamu akan lebih relaks dan akan dilayani oleh pakar-pakar profesional yang akan memberikan servis lima bintang buat anda.

> PAKEJ SPA

Tanjung Wellness Spa bersedia dengan beberapa tawaran pakej istimewa dan pakej spa yang berbeza. Contohnya, pakej Rumah Tanjung Joy, yang merangkumi Tanjung Spice, Tanjung Fusion, Tanjung Swedish Treatment, Urutan Therapeutik, Urutan Shiatsu yang tidak menggunakan minyak, Tanjung Pregnancy, dan Therapeutik Refleksologi kaki. Anda juga boleh pergi ke Rumah Tanjung Spa yang menyediakan rawatan yang diberi nama Tanjung Beauty, Tanjung Dream, Tanjung Retreat, Tanjung Balinese, Tanjung Heaven dan Tanjung Sweetness. Selain dari semua ini, anda juga boleh memilih untuk Tanjung Facial, Tanjung Touch of Serenity, Tanjung Boreh, Tanjung Body Scrub dan Tanjung Ear Candle yang boleh mengurangkan tekanan, meningkatkan sistem imun, sengal badan dan membantu dalam detoksifikasi serta dandan rambut.

The Tanjung Spa Wellness di Philea Resort & Spa akan memastikan bahawa pengunjung mendapatkan rawatan yang terbaik mengikut keperluan mereka. Oleh itu, selain daripada pakej, anda boleh memilih perkhidmatan tunggal juga. Langkah-langkah keselamatan akan dipastikan tatkala anda menerima rawatan dan terapi di spa. Setiap peralatan yang digunakan akan dijaga dengan rapi dan tahap kebersihannya akan sentiasa dipantau. Tepis stresmu itu. **hb**

Jawab dua soalan ini dan anda berhak memenangi baucar spa TANJUNG HEAVEN yang bernilai RM958.00 bagi setiap pasangan.

1. Di manakah terletaknya Philea Resort and Spa?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

2. Berapakah jenis rawatan yang disediakan di Tanjung Wellness Spa?  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

TERHAD UNTUK 3 PASANGAN SAHAJA!

Hantarkan jawapan anda ke:

Hijabista x Tanjung Wellness Spa,  
 Kumpulan Media Karangraf Sdn Bhd,  
 Lot 1, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran  
 Selangor, Seksyen 15, 4  
 0200 Shah Alam, Selangor.  
 Tarikh tutup: 31 Ogos 2016

